

17/11/1997

Kadar tol tetap dikaji semula

M Noh Senan

SEREMBAN, Ahad - Keadaan ekonomi yang tidak menentu kini tidak diambil kira dalam kajian semula kadar tol, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Menurutnya, kajian semula itu yang diarahkan oleh Kabinet Julai lalu bertujuan menurunkan kadar tol bagi mengurangkan beban pengguna jalan raya.

"Keadaan ekonomi yang dialami sekarang sama sekali tidak akan menjejaskan kajian semula itu," katanya selepas konvokesyen Kolej Tafe di sini, hari ini.

Katanya, syarikat konsesi Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) itu pasti menerima kesan daripada penurunan nilai mata wang negara kerana setiap pinjaman luar negara yang dibuatnya harus dibayar semula dalam bentuk mata wang yang dipinjam.

Katanya, kerajaan menandatangani kontrak dengan syarikat konsesi itu untuk membina lebuhraya dan bagaimana mereka meminjam wang atau cara membayarnya ditanggung mereka.

Sementara itu, MIC akan menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Barisan Nasional (BN) Selasa ini.

Mesyuarat itu untuk menyatakan pendirian parti berhubung draf resolusi 34 ahli Kongres Amerika Syarikat agar mereka meminta maaf kepada Dr Mahathir yang sebelum ini dianggap sebagai anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Katanya, MIC menyatakan sokongan penuh terhadap kepemimpinan dan keputusan yang dibuat Perdana Menteri.

Beliau berkata, Kabinet berfungsi sebagai unit bebas dan sebarang keputusan yang dibuat Perdana Menteri akan disokong sepenuhnya oleh ahli Kabinet serta kerajaan.

Lebih 240 graduan pelbagai bidang termasuk mekanikal dan kejuruteraan, perniagaan dan elektronik menerima sijil dalam upacara konvokesyen itu hari ini.

Kolej Tafe yang kini menempatkan 3,400 pelajar dijangka dapat meningkatkan jumlah itu sehingga 5,000 apabila asrama baru di Taman Thivy Jaya, di sini tidak lama lagi.

Samy berkata, kolej itu bekerjasama dengan universiti luar negara termasuk Universiti Northern England dan Universiti Robert Graham bagi memberi peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

(END)